

>>Oleh Saiful Affendy Sapran
saifulaffendy@hmetro.com.my

Singkir calon popular

Kaharuddin, Siti Munirah dinobat Olahragawan dan Olahragawati UPM ke 29

KEPUTUSAN mengejut dilakar Mohd Kaharuddin Ashah dan Siti Munirah Jusoh apabila menyingkirkan calon lebih popular untuk dinobat Olahragawan dan Olahragawati Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-29 semalam.

Mohd Kaharuddin yang juga pemenang pingat perak Sukan Sea Indonesia 2011 dalam acara memanah, menewaskan seorang lagi atlet negara iaitu perenang, Kevin Yeap manakala Siti Munirah mengetepikan calon lebih popular seperti Nurul Sarah Abdul Kadir daripada sukan olahraga.

Beraksi menerusi acara compound, Mohd Kaharuddin nyata terkejut dengan pemilihannya sebagai Olahragawan UPM, namun menganggapnya sebagai satu penghargaan.

“Mungkin kejayaan ini hasil aksi cemerlang sepanjang musim lalu. Apapun, penghargaan ini cukup bermakna dan meningkatkan semangat untuk saya beraksi lebih baik



pada masa depan,” kata atlet berusia 25 tahun itu yang juga penuntut tahun akhir jurusan Sarjana Muda Pembangunan Sumber Manusia.

Siti Munirah yang memenangi emas acara skuasy di temasya Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) di Sarawak April lalu pula ber-

kata, jadual ketat dilaluinya sebagai pelajar dan atlet akhirnya membuahkan hasil apabila menerima anugerah itu.

“Setiap bulan saya sering menyertai beberapa kejohanan luar negara, sudah tentu waktu saya cukup padat,” kata atlet berasal dari Tereng-

ganu itu yang juga siswi tahun dua jurusan Sarjana Muda Komunikasi Penyiaran.

Kedua-dua atlet itu menerima piala pusingan, piala iringan dan sijil yang disampaikan Pro-Chancellor UPM, Tan Sri Rozali Ismail.

Sementara itu, Anugerah ‘Pasukan Cemerlang’ pula dimenangi pasukan hoki, anugerah ‘Pengurus Cemerlang’ disandang Mohd Firdaus Abdullah bagi sukan olahraga dan jurulatih hoki Wan Zaharuddin Wan Abdullah memenangi anugerah ‘Jurulatih Cemerlang’.

Seramai 60 pelajar cemerlang dalam sukan UPM menerima Anugerah Putra Cemerlang, 31 pelajar bagi kategori Anugerah Penghargaan Setia Bakti dan 17 pelajar bagi kategori Anugerah Khas.